


PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM

.....

Konsep & Aplikasi



Penyunting
Wan Norhaniza Wan Hasan
Nurul Suhada Ismail

Pembangunan Kerohanian Islam Secara Berterusan Melalui Ilmu Bela Diri Melayu: Analisis Dari Perspektif Seni Silat Cekak Malaysia

Abdul Hafiz Ab Majid^{1,6,7}, Mohd Miqdad Aswad Ahmad^{2,7}, Nurul Izza Abdul Aziz^{3,6,7}, Safiah Ahmad^{4,6,7} Ab Majid Ismail^{5,6,7}

¹*Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia*

²*Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin*

³*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia*

⁴*Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia*

⁵*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia*

⁶*Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Universiti Sains Malaysia*

⁷*Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia*

PENGENALAN

Silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang sinonim dengan orang Melayu di Nusantara khususnya. Kebanyakan orang Melayu di Malaysia, khususnya yang beragama Islam mengetahui dan mempunyai maklumat tentang seni silat Melayu. Terdapat pelbagai jenis silat di negara ini yang mempunyai pelbagai nama sebagai contohnya: Silat Cekak Malaysia, Silat Gayung Malaysia, Silat Lincah Malaysia, Silat Gayung Fatani Malaysia, Silat Lintau, Silat Terlak, Silat Harimau, Silat Sendeng, Silat Sepelet dan lain-lain lagi jenis silat yang mempunyai nama pertubuhan silat yang tersendiri. Walaupun terdapat pelbagai jenis silat di negara ini dengan gaya dan teknik serta amalan kerohanian masing-masing, objektifnya tetap sama iaitu sama ada membela diri daripada diserang dan juga bertindak balas untuk menewaskan si penyerang dengan apa-apa cara sekalipun.

Dalam ilmu persilatan juga sebenarnya terdapat unsur berbentuk kerohanian dan kebatinan. Aspek kerohanian dan kebatinan dalam Seni Silat Melayu telah mengalami tahap perkembangan dan perubahan melalui tahap yang berbeza berdasarkan sejarah kepercayaan masyarakat Melayu di Nusantara. Perubahan amalan kerohanian dan kebatinan dalam silat Melayu adalah kerana pengaruh agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu seperti Hindu, Buddha dan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa unsur kerohanian dan kebatinan melalui tiga fasa agama yang menjadi pegangan masyarakat Melayu. Perkara ini secara langsung menunjukkan seni silat turut juga mempunyai unsur kerohanian dan kebatinan dalam konteks yang berbeza. Apabila orang Melayu memeluk agama Islam, unsur kerohanian dan kebatinan Islam pula mempengaruhi seni silat Melayu (Anuar Abd. Wahab, 1996: 4).

Sehubungan dengan itu, penulisan ini akan meneliti pembangunan kerohanian Islam secara berterusan melalui ilmu bela diri Melayu: analisis dari perspektif Seni Silat Cekak Malaysia. Dalam tradisi amalan kerohanian yang diamalkan oleh ahli serta pengikut seni silat Melayu khususnya ahli Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), terdapat amalan kerohanian yang telah dikhususkan kepada para ahli PSSCM. Oleh itu, bab ini memberikan tumpuan tentang konsep amalan kerohanian yang menjadi amalan serta panduan untuk ahli PSSCM dapat dibangunkan dan dianalisis sejajar dengan al-Qur'an, hadis dan pandangan para ulama supaya amalan kerohanian ini benar-benar menepati kehendak syarak.